

Kementerian ambil langkah elak jangkitan

Pelbagai program
dirangka
sepanjang
sambutan Hari
Wanita 2020

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata pihaknya menjangkakan jumlah pengunjung berkurangan berbanding tahun lalu berikutan langkah berjaga-jaga mengelak berada dalam kawasan sesak.

“Kita cuba menyediakan (cecair pencuci tangan) walaupun bekalan agak berkurangan terutama topeng muka. Kita akan cuba yang terbaik, namun anda juga boleh selalu mencuci tangan (sebagai langkah pencegahan).”
Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2020 di sini, semalam. Yang turut hadir, timbalannya, Hannah Yeoh.

terti Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata pihaknya menjangkakan jumlah pengunjung berkurangan berbanding tahun lalu berikutan langkah berjaga-jaga mengelak berada dalam kawasan sesak.

“Kita cuba menyediakan (cecair pencuci tangan) walaupun bekalan agak berkurangan terutama topeng muka. Kita akan cuba yang terbaik, namun anda juga boleh selalu mencuci tangan (sebagai langkah pencegahan).”

“Selain itu, bagi mereka yang tidak begitu sihat, kita tidak menggalakkan mereka untuk hadir,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2020 di sini, semalam. Yang turut hadir, timbalannya, Hannah Yeoh.

Mengenai sambutan itu, Dr Wan Azizah berkata, sambutan dengan tema ‘Seimbang Untuk Sejahtera’ akan diadakan bermula 1 hingga 12 Mac ini, dengan perasmianya disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr Ma-



Dr Wan Azizah dan Yeoh pada sidang media mengenai sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2020 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

BH - 20/2/2020
m/s: 7

Antara yang akan dilakukan adalah menyediakan cecair pencuci tangan terutama bagi program yang membabitkan ramai pengunjung. Bagi mereka yang tidak begitu sihat, kita tidak menggalakkan mereka untuk hadir.

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri

hathir Mohamad pada 6 Mac di Putrajaya.

Katanya, pelbagai program dirangka sepanjang sambutan dengan empat fokus utama merangkumi 17 program pada peringkat

kebangsaan, negeri dan komuniti.

“Empat fokus utama itu merangkumi enam substantif program iaitu seminar/bual bicara, Konvensyen Badan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita 2020, slot khas wanita di RTM, ‘Young Women Bootcamp’, Forum Perdana Ehwat Islam dan Khutbah Jumaat Khas Hari Wanita,” katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan, kementerian turut bekerjasama dengan syarikat pemaju, Epic Homes bagi program ‘Malaysian Women Unite’ yang menggalakkan perpaduan antara rakyat terutama golongan wanita melalui program khidmat masyarakat berimpak tinggi dan pada tahun ini, fokus diberikan kepada Orang Asli.

“Tema program ini adalah pemerkasaan institusi kekeluargaan dengan memastikan keperluan asas sesuatu keluarga terutama tempat tinggal yang selamat dapat direalisasikan dan mewujudkan masyarakat sejahtera,” katanya.